

NO. SOALAN : 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN**  
**BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]**  
**TARIKH : 31.7.2017 (ISNIN)**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh KPDNKK untuk mengatasi masalah lambakan peralatan elektrik yang mempunyai kelulusan SIRIM tiruan.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian ini bagi memastikan peralatan elektrik yang dijual di pasaran adalah tidak menggunakan label SIRIM palsu. Usaha-usaha yang telah dilakukan ialah:

1. Menjalankan pemeriksaan secara harian di premis-premis perniagaan termasuk premis yang menjual peralatan elektrik. Ini bagi memastikan undang-undang berkaitan seperti Akta Perihal Dagangan 2011 dipatuhi. Akta ini memperuntukkan larangan dan kesalahan penggunaan representasi palsu pada barangan dan juga perkhidmatan. KPDNKK turut mengadakan kerjasama dengan membuat pemeriksaan secara NBOS bersama SIRIM bagi menangani penggunaan label SIRIM palsu pada peralatan elektrik. Akta ini memperuntukkan penalti yang tinggi sekiranya disabitkan kesalahan iaitu:
  - a) jika individu boleh didenda sehingga tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali; manakala
  - b) Jika pertubuhan perbadanan boleh didenda sehingga tidak melebihi RM500.000.
2. KPDNKK juga mempraktikkan beberapa pendekatan bagi mengingatkan serta memupuk kesedaran kepada para peniaga tentang etika perniagaan, termasuk berhubung penjualan barangan yang menggunakan label SIRIM yang sah. Antara pendekatan tersebut adalah seperti:

- a) mengadakan program advokasi bersama persatuan-persatuan peniaga; dan
  - b) mengadakan lawatan ke premis-premis melalui kaedah *smart enforcement* dengan memberi khidmat nasihat dan sebagainya.
3. Melaksanakan program pendidikan kepada pengguna melalui program-program kepenggunaan yang dijalankan di seluruh negara. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar berhati-hati sebelum membuat pembelian dan tidak mudah terpedaya dengan penipuan dan penyelewengan di dalam perniagaan.
  4. KPDNKK juga ada menempatkan kaunter-kaunter pertanyaan dan aduan di pasar-pasar awam di seluruh negara dan kaunter bergerak Skwad Tindakan Aduan & Resolusi Pengguna (STAR@Pengguna) untuk menerima aduan dan memberi khidmat nasihat kepada orang ramai.
  5. Kementerian turut menyediakan kemudahan saluran aduan bagi memudahkan pengguna mengemukakan aduan melalui portal e-aduan KPDNKK, talian hotline, aduan melalui SMS, aplikasi telefon pintar (Ez ADU) dan pelbagai cara lagi bagi memudahkan orang ramai untuk menyalurkan aduan sekiranya ditemui barangan yang menggunakan label SIRIM palsu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 78**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang rancangan pihak Malaysia Airlines System (MAS) dalam memastikan jadual penerbangan di lapangan terbang Sandakan dapat dikemas kini dan ditambah baik memandangkan kekurangan penerbangan masuk dan keluar di lapangan terbang Sandakan ini sering menyusahkan banyak pihak.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah pelan rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik yang telah diperkenalkan pada tahun 2006, Kerajaan telah memutuskan bahawa mana-mana syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Penentuan kekerapan penerbangan oleh sesebuah syarikat penerbangan adalah tertakluk kepada permintaan serta kapasiti bagi mengelakkan penawaran melebihi permintaan yang boleh menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan menanggung sebarang kerugian.

Berdasarkan jadual penerbangan 6 bulan terkini iaitu mulai April hingga Oktober 2017, syarikat-syarikat penerbangan Malaysia menyediakan sebanyak 105 penerbangan seminggu bagi laluan ke Sandakan. Daripada jumlah ini, Malaysia Airlines Berhad (MAB) menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur-Sandakan vv dan Kota Kinabalu-Sandakan vv dengan kekerapan masing-masing sebanyak 7 dan 14 kali seminggu. Manakala MASWings pula menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kota Kinabalu-Sandakan vv, Sandakan-Tawau dan Kudat-Sandakan dengan kekerapan sebanyak 48 kali seminggu. Berdasarkan semakan terhadap rekod Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) perbandingan bagi tempoh 6 bulan sebelum ini iaitu mulai November 2016 hingga Mac 2017, pihak MAVCOM mendapati bahawa Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan

MASWings tidak mengurangkan kekerapan perkhidmatan penerbangan ke Sandakan.